

A. Samad Idris
dengan



*Jejak-jejak
Pejuang*

A. Samad Idris
dengan

Jejak-jejak Pejuang

Dibantu oleh : Naharuddin Haji Ali

Sejambak Kenangan

Buku kecil ini saya berikan tajuk **“Jejak-Jejak Pejuang”** mengandungi 10 orang tokoh-tokoh pejuang gigih di mana ramai di antara kita yang tidak mengenali lagi.

Saya berhasrat untuk mengumpul seberapa ramai lagi tokoh dalam semua lapangan perjuangan untuk membebaskan tanahair dari cengkaman penjajah. Apa yang saya harapkan ia mendapat sokongan dari semua pihak semoga usaha ini akan mencapai matlamatnya.

Jika kedapatan sesuatu yang kekurangan dan kesilapan, ia merupakan tidak disengajakan. Harapan saya sama-sama diperbetulkan.

Siapakah yang harus dipersalahkan kalau generasi muda sekarang tidak mengenal tokoh-tokoh veteran yang berjuang menentang Malayan Union yang dipaksakan oleh penjajah Inggeris pada tahun 1946 dulu.

Tahun 1996 bererti 50 tahun sudah berlalu - bagi mereka yang berumur 50 tahun sekarang apalagi yang lebih muda, bagaimanakah mereka dapat mengenali bapa-bapa atau datuk-datuk mereka yang sudah lanjut umur dan tidak sedikit pula yang telah pergi meninggalkan kita.

Mungkin yang berusia dalam lingkungan 50 tahun boleh mengingati **“detik-detik 12 satu saat”** di Padang Selangor Club di mana turunnya bendera Union Jack dan berkibar megah bendera kita 39 tahun yang lalu.

Pejuang-pejuang ini tidak pernah meminta jasanya dikenang atau menagih simpati, lebih-lebih lagi menadah tangan meminta-minta sesuatu sebagai balasan dari titik peluh perjuangan mereka.

Apa yang mereka harapkan agar anak-anak cucu dan generasi muda dapat menikmati hasil perjuangan mereka dan menyedari akan kelemahan dan keciciran mereka di masa lampau akibat penjajah yang bersikap **“telunjuk lurus kelengkeng berkait”**, **“mulut disuap pisang ekor dicangkuk duri”**.

Tidak perlu saya huraikan di sini akan kelemahan yang dimaksudkan kerana anak-anak muda hari ini semuanya sudah berpendidikan menengah dan tinggi, sudah boleh malah bijak menilai sesuatu di mana intan dan di mana kaca.

Bagaimanapun ada juga baiknya sekadar, **“kalau lupa beringat, kepa takbur tertaubar”**, manusia bergaduh malah berperang dan berbunuh-bunuhan adalah disebabkan pembahagian rezeki, tamak haloba dan adakalanya menindas di antara satu sama lain.

Oleh itu beringat-ingatlah **“melantai sebelum bulus”**, **“tengadah sebelum terantuk”**, **“sesal dahulu pendapat sesal kemudian tidak**

berguna", kalau sudah merasakan "sesat di hujung jalan baliklah ke pangkal jalan".

"Bila berjalan ke depan sesekali tolehlah ke belakang" agar ada munafaatnya.

Semoga Allah s.w.t. memberikan taufik dan hidayahnya.

A. Samad Idris

Teratak Desa Kuala Lumpur

1-10-1996.

Rintihan.....

Kubawa dingin pagi yang menyegarkan
ke wajahmu pesisir waktu
termangu di antara getar rindu
imbau kenanganku ke gunung menjulang indah
Merapi Singgalang sayup berbalam
igau bimbangku ke lurah memusar gundah!

Biarkan awan gemawan memintal janji
memutih bak kapas di busar
esok matari pasti kian meninggi
Perjuangan ini kita jadikan ikrar:
Ke benak menyelinap ingatan lampau
ke dada terungkap perjalanan kita.

Di sini akan ku bina tugu persahabatan
teman-temanku -
bersama bait rangkap lirik lagu
Semalam di Malaya:
Oh! Di mana kawan dulu
kawan dulu yang sama berjuang!
Rintih hati pencipta ternama
Saiful Bahari, temanku
iya, temanku yang sama berjuang.

Setengah abad berlalu detik ke detik
teman-temanku:
bukan masa yang pendek
memisahkan jarum waktu
Ke mana kau teman-temanku
di antara bayang yang hilang?

Siapa anak-anak yang menangisi
- Kau yang melangkah pergi
- Menyahut seruan Ilahi
Kerana kau dilahirkan
untuk menabur bakti
bangsa & negara

warisan tercinta

Dengarkan pewaris bangsa
yang bersopan di setiap abad
ini tugu yang kau bina dengan air mata
debar getarnya bersama keyakinan
Tekad nekadnya bersama ketabahan!

Aku tahu teman-temanku:

Kau tidak pernah meminta
jasamu dikenang anak-anak bangsa
kau tidak pernah mengemis simpati
belas ihsan penghormatan negara
kau tidak pernah memohon janji
darjah kebesaran mengerdip di dada.

Di dadamu terukir doa harapan
agar bangsamu, negaramu & warisanmu
selamat dan bebas:

Bebas dari cengkaman dan penindasan
bernama penjajah yang kejam!

Hari ini ku bawa matari pagi
menyinari jejak-jejak yang kau tinggalkan
rasakan hangat panas bumi ini:

Kembali ke teratak desamu
ke kota langkah kita bermula
kau akan termangu
bersama kemenangan namamu.

Kau akan membilang jerjak waktu
zaman lampau yang kita tinggalkan
langkah berat di jalan berkerikil
beg usang terjenjeng di tangan
haus dahaga di bawah bayang yang panjang.

Kini, kau bisa tersenyum teman-teman
yang hilang tanpa nama besar
nesanmu menjadi tugu saksi
anak-anak yang kau dewasakan
tabah yakinnya menjunjung kebenaran

rebah bangunnya menggenggam kesetiaan.
Usah pula kau tangisi
kalau anak-anakmu memalu gendang petualang
bertandak mengikut rentak walang kecundang
kerana pepatah yang berketak:
Gading mana yang tidak retak?

Anak-anakku
kembalilah ke pangkalan tempat kayuh bermula
kembalilah ke daratan tempat kaki berjejak

Pitih bertaburan
jangan biarkan mengabui mata
basah dalam kekeringan -
laksana buah dikait menimpa kepala
luruhnya air mata kita!

Akan ku sampaikan pesan ini
kepada anak-anak yang kau tinggalkan
nikmat itu bukan semuanya kenikmatan
celaka itu bukan semuanya kecelakaan
kerana di antara kemegahan anak-anak yang berjaya
gelap matanya malang kecundang
gertap bibirnya walang petualang.

Lupakah anak-anak kota
air telaga di desa
lupakah anak-anak pesan pejuang bangsa:
ular menyusur akar takkan hilang bisa

Mari teman-teman
kita kembali mengukur perkasa wajamu
kerana kau tidak mati
di setiap inci bumi ini
anak-anakmu sudah menikmati
segala hasil limpah budimu yang abadi.

Kampung dan desa sudah terbina
kota pembangunan, teman-teman
telaga di kambus airnya mengalir dalam besi

pelita dipadamkan apinya menyala di kaca
siapa lagi di antara kita
mimpinya khayal di siang hari?

Kini, ku bawa dingin pagi
bersama anak-anak berbimbing tangan ke sekolah
orang tua kian mesra di masjidnya
azan berkumandang di puncak menaranya
teman-teman seperjuangan di mana suaramu?

A. Samad Idris
Bukittinggi/Maninjau
di suatu pagi
26-9-96.





فرتوبه نك كيشانم سلايو برسائو

PERTUBUHAN KEBANGSAAN MELAYU BERSATU (DARU) ATAU UMNO

N0. Pendaftaran 676/88 (Wilayah Persekutuan)

PRESIDEN

Kata-kata Auan

UMNO yang ditubuhkan pada 11hb. Mei 1946 di Johor Bahru menumpukan perjuangannya pada peringkat awal kepada dua asas pokok, pertama menyatupadukan orang-orang Melayu yang bersifat kenegerian dan kedua menentang penubuhan Malayan Union.

Sebagai yang kita semua maklum sesudah Dato' Onn berjaya dalam kedua-dua perjuangan tersebut dan kemudian meninggalkan UMNO, teraju UMNO telah diambilalih oleh Tunku Abdul Rahman Putra.

Dalam masa kepimpinan Tunku inilah UMNO telah meletakkan asas perjuangannya untuk merebut kemerdekaan tanahair daripada belenggu penjajahan.

Kepimpinan dan kejayaan UMNO dalam perjuangannya bukan terletak di tangan Tunku seorang tetapi adalah dengan bantuan dan sokongan padu setiap pemimpin di semua peringkat dari Bahagian dan Cawangan serta ahli-ahli dan mereka yang bersimpati dengan perjuangan kemerdekaan.

Kebanyakan daripada pemimpin ini telah meninggalkan kita buat selamalamanya dan ramai antara generasi muda sekarang yang tidak mengenali mereka. Ini adalah kerana kekurangan bahan-bahan bacaan mengenai perkara ini.

Oleh itu, usaha Tan Sri Samad Idris mengumpulkan perjuangan tokoh-tokoh kebangsaan menerusi pita video dan buku ini adalah satu usaha yang sangat berguna bukan sahaja sebagai tanda kita mengenang jasa dan bakti tokoh-tokoh tersebut tetapi juga untuk pengetahuan kita, terutama generasi muda sekarang.



DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD

Kuala Lumpur
1 Oktober 1996



فروتنه كېڤشانه سلاويوزماتو

PERTUBUHAN KEBANGSAAN MELAYU BERSATU (BARU) ATAU UMNO

Kata-kata Auan

Sebarang usaha untuk mengumpulkan bahan-bahan yang mengandungi sejarah lebih-lebih lagi sejarah perjuangan bangsa membebaskan tanahair amat dialu-alukan.

Buku yang disusun oleh Tan Sri Dato' A. Samad Idris yang diberi judul "Jejak-Jejak Pejuang" ini semoga mendapat perhatian semua peringkat terutama generasi muda.

Negara kita telah mencapai kemerdekaan 39 tahun yang lalu, bagi mereka yang berumur sekitar empat puluhan tentunya kurang mengenali tokoh-tokoh pejuang kemerdekaan ini.

Ketandusan bahan-bahan bacaan yang berupa sejarah, agak kurang ditulis oleh penulis-penulis kita, semoga dengan terbitnya buku sepuluh orang tokoh pejuang ini dapat mengisi ruang-ruang yang masih agak kekosongan.

Diharapkan usaha ini merupakan langkah awal bagi melangkah lebih jauh lagi ke depan.

Wassalam.

Dato' Mohamad Rahmat

Setiausaha Agung UMNO Malaysia,
Merangkap Menteri Penerangan.



Kata-kata Bistari

1. Kalau jasamu nak dikenang
Kenanglah jasa mereka yang berjasa.
2. Dalam kehidupan insan di maya pada ini terdapat:
Banyak kawan dan tidak kurang juga musuh:
Musuh yang paling berbahaya ialah:
Musuh yang berselindung di sebalik nama kawan iaitu:
Musuh dalam selimut
Menggunting dalam lipatan
Pepat di luar - rencong di dalam
Lain dimulut lain dihati
3. Sesuatu yang agak pasti terjadi:
- Hari ini musuh - esok kawan
- Hari ini kawan - esok musuh
4. Berani kerana benar
Takut kerana salah
5. Benar itu kekuatan
Bukan kekuatan itu benar
6.
 - a. Jalan mendatar - Jalan yang lurus dan adil.
 - b. Jalan melereng - Jalan yang lurus tetapi tak adil.
 - c. Jalan mendaki - Jalan yang adil tetapi dengan kekerasan.
 - d. Jalan menurun - Jalan mengalah dan tak adil.
7. Apabila menyalahkan orang lain kerana hendak menyembunyi-
kan kesalahan sendiri menampakkan sikap buruk, tidak ber-
hemah tinggi dan belum dewasa.



Datuk Onn Jaafar
Yang diPertua Agung
1946-1951



Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj
Yang diPertua Agung
1951-1970



Tun Abdul Razak Hussein
Presiden UMNO
1970-1976



Tun Hussein Onn
Yang diPertua Agung
1976-1981



Dato Seri Anwar Ibrahim
Timbalan Presiden



TAN SRI GHAZALI BIN JAWI

MOHD GHAZALI BIN JAWI
(1924 - 1982)

Pepatah Melayu yang menyebut: Kalau takut dipukul gelombang jangan berumah di tepi pantai, telah dipraktikkan oleh Mohd. Ghazali bin Jawi salah seorang tokoh terkemuka UMNO. Liku-liku perjuangan politik Tan Sri Ghazali Jawi, bekas Menteri Besar Perak dan bekas Menteri Pertanian dan Syarikat Kerjasama ini penuh dengan cabaran. Kalau mahu dibandingkan dengan rakan-rakan seangkatan dengannya, memang politik Tan Sri Ghazali Jawi penuh dengan ranjau.

Ketika UMNO berhadapan dengan krisis kepimpinan tahun 1951 beliau tabah menerima tekanan ketua jabatannya di negeri Perak kerana membuat sokongan terbuka kepada Tunku Abdul Rahman. Setelah menjadi Menteri Besar selepas pilihanraya 1959, Tan Sri Ghazali berhadapan dengan krisis istana di Perak. Di akhir-akhir kerjaya politiknya Tan Sri Ghazali sekali lagi berhadapan dengan krisis istana.

Beliau meninggal dunia pada 9 Disember 1982 sebagai seorang tokoh politik yang menimbulkan kontroversi dengan rajanya, ketika berusia 58 tahun. Ketabahan Tan Sri Ghazali melalui liku-liku politiknya ini memang sejarah penting dalam perjuangan kebangsaan di Malaysia. Dalam Persidangan UMNO di Melaka pada 4-5 April 1953 ketika usul memecat Dato' Panglima Bukit Gantang dikemukakan semua empat orang wakil dari Perak menentang dengan keras, tetapi Ghazali Jawi telah menyokong pendirian UMNO Pusat.

Dato' Panglima Bukit Gantang dipecat dari menjadi ahli UMNO disebabkan sebagai Pengerusi UMNO negeri Perak beliau telah menaja satu perjumpaan politik untuk menubuhkan United Malayan Party (UMP). Beliau juga mengambil alih Pengerusi UMNO negeri Perak daripada Nasaruddin bin Rais menimbulkan keraguan kepada ahli-ahli UMNO di negeri Perak. Nasaruddin Rais dipilih mengetuai UMNO negeri Perak dalam Persidangan Agung di Kuala Lumpur pada Ogos 1951, tetapi tiba-tiba sahaja meletakkan jawatan untuk membolehkan Dato' Panglima Bukit Gantang mengambil alih jawatannya.

Satu tunjuk perasaan telah diadakan oleh ahli-ahli UMNO negeri Perak semasa Tunku melawat Kuala Kangsar pada 15 Februari 1953. Mereka mendesak Tunku memberi penjelasan bagaimana Nasaruddin Rais meletakkan jawatan dan kenapa Dato' Panglima Bukit Gantang tiba-tiba menjadi Pengerusi UMNO di Perak. Dalam masa Tunku menerima tolak ansur dengan perlantkan Dato' Panglima Bukit Gantang itu, usaha telah di buat untuk memisahkan UMNO negeri Perak dan UMNO Pusat.

Sebab itu satu usul dikemukakan bagi memecat Dato' Panglima Bukit Gantang daripada keahlian UMNO. Disebabkan Tan Sri Ghazali menyokong pemecatan itu, apabila beliau balik ke Perak tekanan politik mula dirasakan. Sebagai kakitangan kerajaan yang berkhidmat memegang jawatan merinyu di Jabatan Parit dan Taliair beliau terpaksa berhadapan dengan risiko kerana menentang ketua kerajaan di negeri Perak iaitu Dato' Panglima Bukit Gantang, Menteri Besar Perak.

Ghazali Jawi menyedari tekanan politik ini, tetapi beliau tidak boleh mendiamkan diri dengan sikap Dato' Panglima Bukit Gantang sebagai Setiausaha Agung UMNO yang pertama, tetapi meletakkan jawatan dalam tahun 1947 atas alasan uzur. Alasan tersebut sukar mahu diterima kerana mulai 1 Februari 1948, Dato' Panglima Bukit Gantang menerima tawaran Inggeris menjadi Menteri Besar Perak yang pertama di bawah penubuhan Persekutuan Tanah Melayu.

Peristiwa pemecatan Dato' Panglima Bukit Gantang ini, Ghazali Jawi bertugas di Jabatan Parit dan Taliair di Hilir Perak. Ketika ini DO yang bertugas di Teluk Anson ialah Bahaman Shamsuddin iaitu penyokong setia Tunku Abdul Rahman dalam perebutan jawatan Yang di-Pertua Agung sebelum itu.

Sebagai Do Tan Sri Bahaman tidak dapat berbuat apa-apa setelah perintah dari pejabat Menteri Besar mengarahkan Ghazali Jawi ditukarkan ke Lubuk Kubang di daerah Kuala Kangsar. Tujuan pertukaran itu bagi menyekat aktiviti Ghazali memperkuat UMNO di Perak setelah beliau dipilih mengetuai UMNO di negeri itu. Tidak lama selepas itu Ghazali sekali lagi menerima arahan bertukar ke Selising di Gunung Semanggol.

Arahan menukar beliau terlalu kerap itu menimbulkan kemarahan kepada Ghazali, kerana jelas tujuannya adalah untuk membuli dirinya. Oleh itu Ghazali mengambil keputusan nekad meletakkan jawatan dalam tahun 1953 itu ketika berusia hanya 29 tahun. Beliau terus bergerak cergas memperkemaskan jentera UMNO setelah meletakkan jawatan sebagai protes terhadap salah guna kuasa yang diamalkan oleh pejabat Menteri Besar Perak.

Semangat pejuang tulen yang ditunjukkan oleh Ghazali Jawi ini menarik perhatian Tunku. Beliau telah memberi bantuan peribadi kepada Ghazali sebanyak \$60.00 sebulan. Di samping itu kakaknya Hajah Salmiah yang bersimpati dengan cabaran yang dihadapi oleh adiknya itu telah membantunya sebanyak \$40.00 sebulan pula. Manakala isterinya Rodziah binti Mohd. Yaakob pula telah berkorban dengan mengambil upah menjahit dan menjual kuih.



Menteri Besar Datuk Seri Ghazali Jawi sedang menyembah ucapan taat setia dan tahniah sempena hari ulang tahun keputeraan Seri Paduka Baginda Sultan Perak yang ke-52.



Gambar menunjukkan Tan Sri Menteri Besar sedang memotong riben semasa merasmikan rumah contoh di Taman Tasik Jaya. Projek Usahasama di Tasek.

Memang perjalanan hidup Ghazali Jawi telah ditakdirkan menjadi anak yang cecal sejak dilahirkan. Beliau dilahirkan di Kampung Bukit Nangka, Lenggong, Perak dari keluarga guru pada 26 Disember 1924. Kedua ibu bapanya merupakan guru sekolah Melayu di Lenggong. Bagaimanapun semasa kecilnya Ghazali dipelihara oleh ibu saudaranya yang menetap di Kampung Lahar tidak jauh dari Kampung Bukit Nangka itu disebabkan penyakit aneh yang menimpa keluarga Cikgu Jawi

Penyakit aneh ini semacam cabaran awal yang diterima oleh Ghazali, kerana kalau beliau tinggal bersama keluarga salah seorang di antara dirinya atau ayahnya Cikgu Jawi akan jatuh sakit. Bagi mengelakkan penyakit ganjil ini orang tua-tua menasihatkan Cikgu Jawi supaya berpisah dengan anaknya Ghazali. Setelah mereka dipisahkan dengan menghantar Ghazali tinggal bersama emak saudaranya di Kampung Lahar, penyakit ganjil itu tidak lagi mengganggu.

Tan Sri Ghazali memulakan pendidikan awalnya di Sekolah Melayu Lenggong dan kemudiannya melanjutkan pelajaran menengah di Sekolah King Edward, Taiping. Bagaimanapun persekolahan beliau tergendala apabila Jepun mencero boh Tanah Melayu pada 15 Februari 1942. Dalam masa pendudukan Jepun ketika berusia 19 tahun pada 1943, Ghazali berkahwin dengan isterinya Puan Sri Hajah Rodziah binti Mohd. Yaakob.

Selepas pendudukan Jepun beliau diterima berkhidmat sebagai Merinyu di Jabatan Parit dan Tali air dan di Teluk Intan inilah beliau menyertai perjuangan UMNO. Kemuncak penglibatan beliau dalam gerakan politik selepas pembentukan UMNO ialah dalam Persidangan di Melaka apabila beliau menyokong usul untuk memecat Dato' Panglima Bukit Gantang dalam tahun 1953.

Dalam pilihanraya 1955 Ghazali Jawi dipilih bertanding bagi kerusi Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan dan Majlis Mesyuarat Negeri. Bagi kerusi Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan beliau bertanding di kawasan Sungai Perak Hulu, manakala untuk Majlis Mesyuarat Negeri di kawasan Larut Selatan -Matang. Tan Sri Ghazali telah memenangi kedua-dua kerusi yang ditandingnya ini.

Di kawasan Sungai Perak Hulu, beliau mendapat 16,781 undi mengalahkan calon lawan Mat Judin Haji Ahmad (Bebas) 4,595 dan Syed Nordin Wafa (NAP - Parti Perikatan Nasional) 2,099. NAP ialah parti politik di negeri Perak yang diasaskan dan dipimpin oleh bekas Naib Yang Dipertua Agung UMNO Dato' CM Yusof yang juga seorang peguam. Sementara itu dikawasan Larut Selatan/Matang beliau mendapat 4,183 undi manakala Ustaz Baharuddin Abdul Latiff (Pas) 1,109 dan Abu Bakar



Kelihatan Menteri Besar, Tan Sri Haji Ghazali Jawi sedang menatap buku cenderamata maulud, sementara di sebelah kirinya ialah Raja Di Hilir Perak dan di kiri sekali ialah Speaker Dewan Undangan Perak, En. Safie Mat Saman.



Menteri Besar, Tan Sri Haji Ghazali Jawi sedang menyampaikan hadiah kepada salah seorang pemenang pertandingan memasak/mencipta resipi.

bin Mat Dak (NAP) 654 undi.

Dalam pilihanraya 1955 ini menyaksikan tiga orang pemimpin UMNO di Hilir Perak berjaya menduduki kerusi Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan iaitu Bahaman Shamsuddin (Teluk Anson), Ghazali Jawi (Sungai Perak Hulu) dan Abdul Aziz Mat Jabar (Sungai Perak Hilir) iaitu Pengerusi UMNO Hilir Perak. Dua orang terpilih bagi kerusi Majlis Mesyuarat Negeri Perak iaitu Timbalan Pengerusi Bahagian, Yahya Haji Harun dan Lope Hashim bin Ketong (Hilir Perak Selatan), bendahari.

Dengan ini UMNO bahagian Hilir Perak mempunyai ramai tokoh menduduki Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan dan Majlis Mesyuarat Negeri di Perak termasuk 3 orang menjadi Ahli Majlis Bandaran Teluk Anson iaitu Som binti Abdullah (Ketua Pergerakan Kaum Ibu), Adnan Abdul Samad (Ketua Pergerakan Pemuda) dan Ahmad Tajuddin Haji Baharuddin (Ahli Jawatankuasa Bahagian).

Kedudukan UMNO Hilir Perak ini mengukuhkan lagi kedudukan Ghazali Jawi sebagai pemimpin di Perak disebabkan beliau merupakan ahli UMNO di Hilir Perak. Dalam tempoh 1955 hingga tarikh kemerdekaan tidak banyak perubahan politik di Perak kerana Menteri Besar masih lagi dipegang oleh Dato' Panglima Bukit Gantang iaitu pegawai tinggi kerajaan.

Hanya selepas pilihanraya 1959 barulah perubahan politik mula mencabar apabila Ghazali Jawi ditunjuk oleh pucuk pimpinan UMNO Pusat sebagai Menteri Besar Perak yang pertama dipilih melalui pilihanraya. Sekalipun sewaktu menyandang jawatan Menteri Besar Perak Tan Sri Ghazali berusaha melaksanakan sekolah agama berasrama penuh seperti Sekolah Agama Raja Perempuan Taksiah (khas untuk pelajar perempuan) dan Sekolah Menengah Agama Izuddin (khas untuk lelaki) bagi meningkatkan pengajian agama, tetapi beliau tidak disenangi oleh istana.

Akibatnya berlaku krisis perlembagaan negeri yang meruncing di Perak menyebabkan pentadbiran tidak berjalan lancar. Bagi meredakan suasana, Tunku terpaksa menggantikan Menteri Besar Perak dengan Datuk Shaari bin Shafie dan melantik Ghazali Jawi sebagai Duta Besa ke Mesir. Suasana politik di negeri Perak kembali tenang setelah Tan Sri Ghazali tidak lagi menjadi Menteri Besar. Campur tangan istana dalam pentadbiran Tan Sri Ghazali merupakan punca sebenarnya mengapa berlaku krisis perlembagaan ini.

Setelah hampir tiga tahun berada di Mesir, Tan Sri Ghazali dipanggil balik ke tanahair oleh Tunku dalam tahun 1963. Beliau dilantik men-

jadi Ahli Dewan Negara (Senator) dan memegang jawatan Menteri Muda Pembangunan Luar Bandar (Timbalan Menteri) di samping menjadi Setiausaha Agung UMNO. Pemilihan beliau selaku Setiausaha Agung UMNO kebetulan pula sewaktu pergolakan politik begitu meruncing di negara ini berikutan dengan cadangan pembentukan Malaysia.

Tunku dalam bukunya 'Looking Back' menulis mengenai Tan Sri Ghazali Jawi sebagai orang yang tidak dapat dilupakan jasanya. Menurut Tunku beliau menyanjung Tan Sri Ghazali kerana keberanian, nekad dan bertanggungjawab. Sanjungan seorang ketua kepada orang yang pernah menjadi pengikut setianya sudah tentulah ikhlas dari lubuk jiwanya.

Sudah tentu pula orang yang tidak dapat dilupakan oleh Tan Sri Ghazali dalam misi ke Sarawak ini ialah Tan Sri Abdul Samad Idris, yang terpaksa mengharung ombak Laut China yang bergelombang besar, kemudian memasuki Sungai Rajang yang berarus deras semata-mata menyempurnakan tugas memujuk ketua-ketua kaum yang tinggal jauh di pedalaman. Sekiranya misi mereka gagal bermakna pembentukan Malaysia mungkin ikut terjejas.

Memang Tunku menghargai sumbangan Tan Sri Ghazali. Bagi meneruskan tanggungjawabnya kepada negara, Tan Sri Ghazali dibawa bertanding kerusi Parlimen dalam pilihan raya 1964. Beliau memenangi kerusi kawasan Hulu Perak, dan mulai tahun 1964 dilantik menjadi Menteri Pembangunan Luar Bandar yang sebelumnya disandang oleh Tun Abdul Razak. Dalam rombakan kabinet tahun 1968, Tan Sri Ghazali dilantik pula menjadi Menteri Pertanian dan Syarikat Kerjasama.

Tan Sri Ghazali dipilih lagi dalam pilihan raya 1969 dan dilantik semula menjadi Menteri Pertanian dan Syarikat Kerjasama. Dalam tempoh beliau dibawa ke Pusat kedudukan politik di negeri Perak tidaklah banyak menimbulkan masalah dengan istana. Selepas Dato' Shaari, Menteri Besar disandang pula oleh Dato' Ahmad Said dan kemudiannya kepada Tan Sri Kamaruddin Mat Isa.

Pergolakan kecil di peringkat bahagian memang berlaku di mana-mana, tetapi suasana politik tidaklah menggugat pucuk pimpinan. Sebaik sahaja Tun Abdul Razak mengambil alih pucuk pimpinan negara mulai tahun 1970 sebagai Perdana Menteri pembangunan ekonomi bumiputera menjadi agenda politik beliau di bawah Dasar Ekonomi Baru (DEB). Bagi melaksanakan program tersebut perubahan pucuk pimpinan dibuat dengan drastik.

Misalnya Tan Sri Ghazali Shafie dibawa menyertai kabinet yang sebelumnya Ketua Setiausaha di Kementerian Luar. Ghazali Shafie yang sudah dilantik menjadi Senator diminta bertanding dalam pilihan raya

kecil di Lipis setelah ahli Parlimen di situ Abdul Razak Hussein meletakkan jawatan. Oleh itu dalam pilihan raya 1974, Tan Sri Ghazali Jawi diminta memimpin semula kerajaan negeri Perak dengan membawa Tan Sri Kamaruddin Mat Isa pula ke Pusat.

Langkah pertama yang dibuat oleh Tan Sri Ghazali ialah menghalang campur tangan istana dalam isu pembalakan di negeri Perak. Ketegasan beliau ini adalah mematuhi kehendak yang termaktub dalam DEB sebagai agenda politik UMNO. Sikap tidak bertolak ansur Tan Sri Ghazali menimbulkan semula krisis dengan istana hingga menyebabkan pentadbiran negeri kembali bergolak.

Tetapi Tan Sri Ghazali tidak berundur dengan pendirian yang telah ditetapkan oleh pucuk pimpinan Pusat. DEB mesti dilaksanakan dan segala kepentingan rakyat perlu dilindungi. Pergolakan politik yang mencetuskan krisis Ghazali Jawi dengan istana berterusan sehingga Tun Abdul Razak meninggal dunia dalam tahun 1976.

Kehilangan Tun Abdul Razak menjadi beban kepada penggantinya Tun Hussein Onn yang mengambil alih jawatan Perdana Menteri. Beliau bukan sahaja berhadapan dengan isu krisis istana di negeri Perak, tetapi ditambah lagi dengan isu jawatan Timbalan Perdana Menteri dan krisis politik negeri Selangor yang membabitkan Menteri Besar dengan pucuk pimpinan parti.

Bagi menangani isu yang mencabar kepimpinannya ini Tun Hussein terpaksa menggantikan Tan Sri Ghazali selaku Menteri Besar Perak dalam tahun 1977 dengan melantik Dato' Muhammad bin Wan Teh. Tan Sri Ghazali juga mengosongkan kerusi DUN kawasan Kenering bagi mengundurkan diri daripada politik di negeri Perak. Kerusi DUN kawasan Kenering itu kemudiannya dimenangi oleh anaknya sendiri Tajul Rosli bin Mohd. Ghazali tanpa bertanding.

Disebabkan jasanya yang cemerlang dalam perjuangan UMNO, Tan Sri Ghazali dilantik menjadi Ahli Dewan Negara selepas meninggalkan jawatan Menteri Besar itu. Kesan daripada krisis istana inilah yang mendorong pucuk pimpinan UMNO di bawah Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad meminda perlembagaan dalam tahun 1982 yang dikenali sebagai isu 'krisis perlembagaan'.

Memang kejayaan Tan Sri Ghazali dalam kerjaya politiknya terpaksa dibayar dengan pergolakan yang menimpa dirinya di peringkat negeri. Selepas pilihan raya 1955 Tan Sri Ghazali tidaklah mencapai kedudukan tinggi di peringkat Pusat. Malah dalam buku 'UMNO 10 Tahun' tidak pun tercatat nama beliau dalam senarai Majlis Kerja Tertinggi sehingga tahun 1956. Dalam kepimpinan peringkat bahagian

Hilir Perak juga nama Tan Sri Ghazali hanya sebaris dengan ahli jawatankuasa yang lain.

Tetapi kemampuannya menyaingi kepimpinan Dato' Panglima Bukit Gantang di negeri Perak menjadikan beliau sebagai tokoh harapan kepada Tunku bagi memperkuatkan kedudukan UMNO. Selepas Tunku mengambil alih pucuk pimpinan UMNO tahun 1951 cabaran pahit yang dihadapinya ialah perpecahan dalam UMNO apabila sebahagian besar penyokong Dato' Onn meninggalkan UMNO. Di samping ramai pula di kalangan ahli-ahli UMNO serba salah untuk membuat keputusan sama ada mahu kekal atau meninggalkan UMNO bersama dengan Dato' Onn.

Dalam saat inilah Tunku memerlukan pemimpin-pemimpin yang cekal menghadapi cabaran. UMNO berjaya mendapatkan Tan Sri Ghazali mengimbangi pengaruh Dato' Panglima Bukit Gantang di negeri Perak. Oleh itu apabila Tan Sri Ghazali dipilih menjadi Menteri Besar Perak selepas pilihan raya 1959 tekanan yang diterimanya bukan dari ahli UMNO, tetapi dari istana.

Hanya bagi tempoh hingga tahun 1960 sahaja pergolakan di negeri Perak tambah meruncing menyebabkan Tunku sendiri terpaksa menemui pihak istana. Malah Tunku sendiri memberi amaran kepada pihak istana supaya tidak mencampuri urusan pentadbiran. Sebagai pemimpin besar Tunku terpaksa juga mengatasi krisis pentadbiran di negeri Perak secara: Menarik rambut dalam tepung, rambutnya jangan putus, tepung jangan berselerak.

Oleh itu Tan Sri Ghazali dihantar menjadi Duta Besar Malaya ke Mesir bagi mengelakkan krisis pentadbiran negeri berterusan. Pemilihan tokoh politik menjadi Duta Besar bukanlah asing, kerana sebelumnya semenjak tahun 1957 Tun Dr. Ismail sudah dihantar menjadi Duta Besar ke Amerika Syarikat, Tan Sri Senu ialah Duta Besar ke Indonesia dan Tan Sri Nik Ahmad Kamil Pesuruhjaya Tinggi ke Great Britain.

Apabila dipanggil balik oleh Tunku tahun 1963, Tan Sri Ghazali Jawi diminta mengisi kekosongan jawatan Setiausaha Agung UMNO menggantikan Datuk Hussein Nordin. Beliau menjadi Setiausaha Agung UMNO sehingga tahun 1964 apabila diambil alih pula oleh Tan Sri Jaafar Albar. Bagaimanapun selepas 1970 Tan Sri Ghazali tidak banyak memainkan peranan dalam pucuk pimpinan parti. Semasa UMNO membentuk 7 biro utama di bawah Majlis Tertinggi 1971-72, tidak satu pun biro berkenaan melantik Tan Sri Ghazali Jawi.